

14/02/1998

Panel jamin laksana projek

CYBERJAYA, Jumaat - Beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang menjadi peneraju industri teknologi maklumat (IT) dunia hari ini memberi jaminan akan melaksanakan projek yang dirancang di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Naib Presiden Eksekutif Lucent Technologies Inc, Ben J M Verwaayen berkata syarikatnya akan memanfaatkan pelaburan RM100 juta untuk membangunkan tenaga kerja intelek dan terbabit secara aktif dalam program pendidikan di negara ini.

Lucent akan mendirikan pusat pembangunan teknologi Sistem Global Komunikasi Selular (GSM) di negara ini.

"Kami akan memastikan kepakaran Makmal Bell, milik syarikat yang berpangkalan di Palo Alto, California dimanfaatkan sebaik mungkin untuk pembangunan sumber tenaga intelek di MSC," katanya yang mewakili syarikatnya pada mesyuarat kali kedua IAP di sini, hari ini.

Makmal Bell adalah antara makmal teknologi terulung di dunia terbabit dalam pembangunan pelbagai teknologi komunikasi talian tetap dan selular. Teknologi itu kemudian digunakan dalam produk Lucent.

Ketua Saintis Sun Microsystems Inc, Dr John Gage, berkata syarikatnya juga akan membantu Malaysia membangunkan sumber manusia terutama di peringkat sekolah.

"Kami sedia memberi sokongan terhadap pembangunan sumber manusia di negara ini terutama dalam merangkaikan semua kelas dan sekolah di negara ini ke Internet," katanya.

Menurutnya, beliau sudah berbincang mengenai perkara itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak yang memberikan penjelasan yang jelas mengenai pembangunan sekolah bestari di negara ini.

Naib Presiden dan Pengurus Besar dan pemasaran operasi kumpulan Hewlett-Packard Co, Alex Sozonoff, berkata syarikatnya sudah menyusun rancangan jangka panjang untuk MSC terutama dalam pembangunan teknologi dan sumber tenaga kerja intelek.

"Kami sudah melabur kira-kira RM5 juta dalam pelbagai kegiatan pembangunan teknologi di MSC," katanya yang turut memberi jaminan akan mengawasi kegiatan syarikat itu di sini.

(END)